

TANDA-TANDA 'MALAM' DALAM QASIDAH IMRI' AL-QAYS DAN PERSEPSI PELAJAR MELAYU TENTANGNYA

NAZRI ATOH
Universiti Kebangsaan Malaysia
nazz_iium@yahoo.com

ZAMRI ARIFIN
Universiti Kebangsaan Malaysia
abuzaim@ukm.my

ABSTRAK

Puisi dalam kesusasteraan Arab merupakan karya yang merujuk kepada satu ungkapan yang mempunyai 'wazn' (irama bermeter) dan 'qafiyah' (berima) yang mempunyai makna. Keindahan puisi pula terletak pada penyampaiannya yang bertentangan dengan gaya ungkapan seharian. Hal ini terletak pada keupayaan penyair dalam menginterpretasikan khayalannya dalam menyampaikan idea dengan menggunakan kata-kata puitis. Oleh yang demikian, bait-bait puisi Imri' al-Qays yang berkisar tentang malam dianalisis untuk kajian ini bagi melihat ungkapan yang digunakan dalam menyampaikan maksud penyair kepada khalayak. Pendekatan analisis kandungan digunakan untuk menganalisis maklumat yang terkandung dalam pelbagai sumber yang berkaitan bait-bait puisi Imri' al-Qays tentang malam. Pendekatan semiotik pula untuk menganalisis tanda-tanda yang terdapat dalam bait-bait puisi Imri' al-Qays yang berkisar tentang malam. Analisis teks dijalankan dengan mencari dan menilai tanda-tanda yang digunakan melalui ikon, indeks dan simbol. Bait-bait puisi Imri' al-Qays yang berkisar tentang malam ini menggunakan tanda-tanda dalam menyampaikan maksud kegelisahannya dengan malam yang dirasakannya panjang. Beliau menggunakan perkataan-perkataan seperti 'tirai-tirai yang diturunkan' dan 'bintang kejora' sebagai tanda untuk menggambarkan keadaan malamnya. Pemilihan kata-kata dalam gugusan bait-bait ini dipengaruhi oleh persekitaran padang pasir yang didiami oleh penyair. Hal ini dapat diteliti melalui gambaran penyair tentang malamnya dengan unta betina, juga keadaan bintang yang tidak bergerak dengan khemah yang terikat kukuh. Dalam kajian ini, didapati bahawa kebanyakan pelajar berpendapat bahawa teks tersebut sukar difahami dan perlu diterjemahkan ke bahasa Melayu semasa P&P. Oleh itu, responden tidak mengetahui tanda-tanda yang digunakan kerana kesukaran untuk memahami teks tersebut. Majoriti responden bersetuju bahawa teks tersebut membantu untuk mengenal penggunaan tatabahasa yang betul, mengenal gaya bahasa retorik dan menambahkan perbendaharaan kata. Kebanyakan responden juga berpendirian bahawa teks tersebut sesuai untuk menjadi bahan pengajaran teks sastra Arab bagi pelajar Melayu.

Kata Kunci: puisi Arab; ikon; indeks; simbol; persekitaran

SIGNS OF THE 'NIGHT' IN IMRI' AL-QAYS'S POEM AND MALAY STUDENTS' PERCEPTIONS OF THEM

ABSTRACT


Poetry in Arabic literature is a work that refers to an expression that has 'wazn' (rhythmic meters) and 'qafiyah' (rhyming) and has meaning. The beauty of poetry lies in its delivery which is opposed to the style of everyday expression. It lies in the poet's ability to interpret

his imagination in delivering ideas by using poetic words. The poetry of Imri 'al-Qays, which is about night, is thus analysed. The study seeks to highlight the expressions used in the poem to convey meanings to the public. A content analysis approach is used to analyse information from a variety of relevant sources related to the poetry of Imri' al-Qays about night. In addition, a semiotic approach is used to analyse signs found in the poetry of Imri 'al-Qays which revolves around night. A textual analysis of signs found in the poem such as icons, indexes and symbols reveals that such signs are used to show the poet's fear of the night which he feels is endless. He uses phrases such as 'curtains hanging down' and 'morning star' as signs to describe the night. The choice of words and phrases in the verses is influenced by his surrounding namely the desert that he inhabits. This is evident in such expressions as a night accompanied only by his female camel, as well as a static star like that of a tent set up firmly in the ground. In regard to the poem, the study finds that most respondents found the text difficult to understand and that it needed to be translated into Malay for purposes of teaching and learning. Owing to the difficulty, respondents failed to understand the signs that the poet used. However, the majority of respondents agreed that the text is helpful in identifying the correct use of grammar, recognizing the rhetoric of style, as well as increasing their vocabulary. Most respondents also believed that the text is suitable for teaching Arabic literature to Malay students.

Keywords: Arabic poetry; icon; index; symbol; environment


PENDAHULUAN

Puisi adalah pancaran emosi seorang penyair yang diungkapkan dengan pemilihan kata yang mampu memberi kesan kepada khalayak. Dalam kesusasteraan Arab, puisi merupakan satu bicara yang mempunyai 'wazn' (irama bermeter) dan 'qafiyah' (berima) yang mempunyai makna (Qudamah bin Ja'far, t.th:17). Rajah di bawah merumuskan maksud puisi Arab:




Rajah 1. Puisi Arab menurut Qudamah bin Ja'far

Al-Nadwi dan al-Nadwi (2002: 66) pula berpendapat bahawa puisi dalam kesusasteraan Arab merupakan kata-kata yang terikat dengan *wazn* dan *qafiyah*, di samping mengandungi unsur perasaan dan emosi. Rajah berikut adalah tentang makna puisi menurut kedua-dua pengarang ini:



Rajah 2. Puisi Arab menurut al-Nadwi dan al-Nadwi

Al-Zayyat (2009: 25) pula berpendapat bahawa puisi adalah kata-kata yang mempunyai *wazn* dan *qafiyah*. Kata-kata ini mengandungi ciri imaginasi dan gambaran yang mampu meninggalkan kesan. Rajah berikut adalah tentang makna puisi menurut al-Zayyat:



Rajah 3. Puisi Arab menurut al-Zayyat

Daripada takrifan-takrifan tersebut, dapatlah disimpulkan bahawa puisi Arab merupakan ungkapan yang terdiri daripada kata-kata yang dibentuk dengan *wazn* dan *qafiyah*. Selain daripada itu, puisi Arab ini mengandungi unsur perasaan dan emosi, imaginasi dan gambaran dalam menyampaikan makna kepada khalayak. Oleh itu, intipati sesebuah puisi Arab dihasilkan penyair dengan bahasa yang menyimpang daripada penggunaan seharian.

Ungkapan yang digunakan dalam puisi disampaikan penyair dalam bentuk tanda. Oleh yang demikian, bait-bait Imri' al-Qays yang berkisar tentang malam dianalisis untuk melihat tanda-tanda yang terdapat dalam bait-bait tersebut. Pendekatan semiotik digunakan untuk merungkai ikon, indeks dan simbol yang terkandung di dalam gugusan bait-bait tersebut. Hal ini dapat membantu untuk memahami maksud sebenar yang ingin disampaikan penyair dengan gaya bahasa yang indah.

PERNYATAAN MASALAH

Keindahan puisi terletak pada penyampaiannya yang bertentangan dengan gaya ungkapan seharian. Hal ini disebabkan keupayaan penyair dalam menginterpretasikan khayalannya dalam menyampaikan idea. Bait-bait Imri' al-Qays tentang malam mengandungi keindahan dalam penyampaiannya yang diungkap dengan menggunakan tanda. Oleh itu, tanda-tanda yang terdapat dalam bait-bait tersebut dianalisis dari perspektik semiotik. Di sini timbul beberapa persoalan: kenapa dengan malam? Apa hubungkait malam dengan penyair? Apakah makna yang didukung oleh tanda atau lambang yang dinyatakan penyair dalam bait-bait tersebut? Ini semua dianalisis untuk merungkai persoalan tersebut. Selain itu, persoalan lain turut dirungkai seperti apakah persepsi pelajar Melayu tentang bait-bait tersebut? Persoalan tentang persepsi ini membantu untuk melihat kewajaran teks tersebut kepada pelajar Melayu.

TUJUAN KAJIAN

Makalah ini diusahakan untuk menganalisis tanda yang digunakan dalam gugusan bait Imri' al-Qays berkaitan malam. Selain daripada itu, makalah ini turut melihat kesan persekitaran dengan ungkapan-ungkapan yang digunakan Imri' al-Qays dalam bait-bait tersebut. Makalah ini turut melihat persepsi pelajar Melayu yang pernah belajar teks tersebut.

TINJAUAN LITERATUR

Terdapat kajian yang pernah dijalankan berkaitan puisi Imri' al-Qays, antaranya Shawqi Dayf, 'Ali al-Jundi dan Muhammad 'Ali Abu Hamdah. Maklumat-maklumat yang diperolehi akan dimanfaatkan untuk makalah ini.

Al-Siba'i, Al-Siba'i (1932) merupakan antara pengkaji yang pernah menulis tentang puisi Imri' al-Qays dalam *Tarikh al-Adab al-'Arabi*. Beliau berpendapat bahawa Imri' al-Qays dalam *mu'allaqah* miliknya menceritakan perihal kehidupannya yang penuh dengan keseronokan dan permainan. Perasaan ini terpancar tanpa dibuat-buat atau berselindung di sebalik ungkapannya. Beliau turut berpendapat bahawa bait-bait berkaitan menunjukkan penyair merasakan malam itu panjang dan penuh dengan keresahan sampai kepada tahap yang berlebihan (al-Siba'i, 1932: 153-154).

Qanawi (1949) pula dalam *al-Wasf fi al-Shi'r al-'Arabi* membincangkan tema *al-wasf* (deskriptif) zaman Jahiliah dalam jilid pertama buku tersebut. Beliau memperincikan konsep deskriptif dalam puisi zaman Jahiliah ini dengan membincangkan perkara-perkara seperti gambaran kepada yang bergerak umpamanya unta, kala jengking dan serigala. Selain itu, beliau turut membicarakan gambaran-gambaran bagi yang tidak bergerak seperti puing-puing dan arak. Bait-bait tentang malam oleh Imri' al-Qays turut dibincangkan. Beliau berpendapat bahawa bait-bait tersebut merupakan bait-bait yang indah diucapkan Imri' al-Qays berkaitan malam. Keindahan bait-bait itu terletak pada gambaran tentang malam di kala penyair merasa kekosongan dan kesunyian, selain daripada pengaduannya tentang malam yang menggabungkan sifat sabar dan putus asa dalam diri penyair (Qanawi, 1949: 255).

Dayf (1971) pula menulis berkenaan Imri' al-Qays dan gugusan baitnya yang mengisahkan malam dalam *al-'Asr al-Jahili*. Beliau membicarakan dalam buku ini hal-hal yang berkaitan Imri' al-Qays seperti kabilah dan keluarganya, kehidupannya dan puisinya. Menurut beliau terdapat dalam gugusan bait-bait Imri' al-Qays tentang malam antaranya gambaran tentang kegelapan malam dan keresahan-keresahan yang terkandung padanya. Gambaran ini diumpamakannya dengan ombak-ombak yang tiada penghujung (Dayf, 1971: 253).

al-Mutallib (1996) membicarakan bait-bait puisi Imri' al-Qays tentang malam dalam *Qira'ah Thaniah fi Shi'r Imri' al-Qays*. Beliau mengupas tentang warna, wanita dan alam haiwan. Dalam perbincangan tentang warna-warna, beliau berpendapat malam yang diumpamakan Imri' al-Qays dengan ombak lautan hampir-hampir masih mempunyai cahaya yang kemudiannya hilang menjadi gelap gelita (al-Mutallib, 1996: 63).

al-Jundi (1998) dalam *Fi Tarikh al-Adab al-Jahili* turut membicarakan *mu'allaqah* Imri' al-Qays, antaranya tentang masyarakat Jahiliah, keadaan kesusasteraan dan puisi serta prosa zaman tersebut. Beliau berpendapat bahawa kenangan-kenangan yang pernah dilalui Imri' al-Qays mengundang kesedihan kepadanya terutama ketika malam. Keadaan yang dilaluinya menjadikan malam dirasakannya panjang tanpa penghujung (al-Jundi, 1998: 292).

Diwan Imri' al-Qays yang disusun oleh al-Mustawi (2006) menyentuh keperibadian Imri' al-Qays terlebih dahulu sebelum menjelaskan bait-bait milik penyair tersebut. Beliau berpendapat bahawa antara ciri-ciri keindahan dalam puisi Imri' al-Qays adalah kepelbagaian gaya bahasa yang digunakannya itu mampu dicapai pancaindera (al-Mustawi, 2006: 11-12).

Maklumat yang terdapat pada kajian-kajian terdahulu menunjukkan bahawa bait-bait malam karya Imri' al-Qays merupakan satu gambaran perasaan penyair tentang kesedihan yang dilaluinya. Hal ini menjadikan malam yang dilaluinya terasa panjang. Selain daripada itu, ungkapan-ungkapan yang digunakan penyair seperti gaya *al-tashbih* yang mampu dicapai oleh pancaindera, semacam mengajak khalayak untuk merasai bersama kesedihan yang dialami penyair. *al-Tashbih* merupakan satu bentuk gaya bahasa yang menghubungkan sesuatu perkara dengan perkara yang lain yang mempunyai persamaan dengan menggunakan partikel perbandingan (al-Hashimi, 1960: 247). Oleh itu, tanda-tanda yang digunakan penyair dalam bait-bait tersebut dianalisis bagi memperlihatkan panjangnya malam sang penyair. Selain daripada itu, ungkapan-ungkapan yang digunakan penyair dikaji untuk melihat kesan persekitaran dalam puisinya sehingga mampu dicapai oleh pancaindera.

METODOLOGI KAJIAN

Pendekatan yang digunakan untuk mencapai tujuan kajian ini ialah pendekatan semiotik Peirce. Pendekatan semiotik merupakan kaedah yang digunakan untuk memahami soal kebahasaan dengan penumpuan kepada mencari dan memahami makna dalam teks melalui tanda (Abdul Halim, 2011: 175). Arbak (2008: 74) pula menjelaskan bahawa pendekatan semiotik ini adalah penerangan tentang bagaimana seluruh pengetahuan dan pengalaman bergantung kepada tanda.

Tanda-tanda dalam semiotik Peirce ialah *qualisign*, *sinsign* dan *legisign* sebagai trikotomi pertama, ikon, indeks dan simbol sebagai trikotomi kedua, manakala *rheme*, *discisign* dan *argument* sebagai trikotomi ketiga (Abdul Hamid & Tengku Intan Marlina, 2010: 7). Ikon merupakan tanda peniruan, indeks adalah tanda kesan yang ditinggalkan, manakala simbol adalah tanda perjanjian bersama (Abdul Hamid & Tengku Intan Marlina, 2010: 8).

Selain daripada, tanda juga terdiri daripada *qualisign* yang merupakan tanda kualiti, *sinsign* iaitu tanda individu dan *legisign* iaitu tanda konvensional (Abdul Hamid & Tengku Intan Marlina, 2010: 7). Nyoman (2009: 258) pula menerangkan bahawa tanda juga dibahagikan kepada *rheme* iaitu tanda kemungkinan, *discisign* iaitu tanda sebagai fakta dan *argument* iaitu tanda benar.

Oleh itu pendekatan ini digunakan untuk meninjau tanda-tanda yang terdiri daripada ikon, indeks dan simbol, juga *qualisign*, *sinsign* dan *legisign*, serta *rheme*, *discisign* dan *argument* yang terdapat dalam bait-bait tersebut. Selepas itu, tanda-tanda yang digunakan penyair dalam puisi ini dianalisis untuk mengetahui makna yang ingin disampaikan.

Makalah ini turut melibatkan responden untuk mengetahui persepsi mereka tentang bait Imri' al-Qays. Lima belas responden dipilih. Responden terdiri daripada pelajar semester 5, Ijazah Sarjana Muda Bahasa Arab dengan Pendidikan, Universiti Pendidikan Sultan Idris. Justifikasi pemilihan responden ini adalah disebabkan responden telah mengambil subjek *Kebudayaan dan Kesusasteraan Arab*. Bait Imri' al-Qays tentang malam diajar dalam subjek tersebut.

PEMILIHAN KORPUS

Teks yang dipilih untuk makalah ini adalah gugusan bait tentang malam daripada *Qasidah* Imri' al-Qays. Pemilihan bait yang berkaitan malam sahaja dianalisis kerana *qasidah* Imri' al-Qays mengandungi gambaran yang pelbagai seperti "peringatan pada puing-puing", "himbauan pada pertemuan pada hari *Darah Juljul*" (hari perjumpaan pertamanya dengan 'Unayzah, anak bapa saudaranya) dan deskriptif tentang situasi yang berbeza-beza seperti malam, lembah, kuda, buruan dan sebagainya (Hanna al-Fakhuri, 2002: 177).

Bait-bait ini terletak pada susunan ke-44 hingga ke-48 dalam *Sharh al-Qasa'id al-Sab'al-Tiwal al-Jahiliyyat* yang dinukilkan oleh al-Anbari (1963: 74-79). Buku yang diterbitkan pada tahun 1963 ini disunting oleh Harun dan diterbitkan oleh Dar al-Ma'arif, Kaherah. *Qasidah* Imri' al-Qays ini mengandungi pelbagai tema seperti tema kebanggaan, tema deskriptif tentang malam dan kuda, juga pemburuan. Puisi Arab pada zaman Jahiliyah tidak diungkapkan untuk satu tema sahaja (al-Duray'i et.al., 2008: 36). Hal ini berbeza dengan puisi moden yang hanya diungkapkan dengan satu tema. *Qasidah* Imri' al-Qays ini terdiri daripada 82 bait (al-Anbari, 1963: 112). Walau bagaimanapun, hanya lima bait sahaja yang diungkapkan penyair tentang malam. Penulis berpendapat bahawa kepelbagaian tema dalam *qasidah* tersebut merupakan gambaran terhadap perasaan dan pengalaman yang dilalui oleh Imri' al-Qays. Perasaan dan pengalaman tersebut pula digabungkan dalam satu *qasidah* dengan pelbagai tema, sesuai dengan perasaan dan pengalaman tersebut. Oleh itu, makalah ini hanya menelusuri perasaannya tentang malam dan pengalaman yang dilaluinya sehingga

merasakan malam itu panjang. Melalui makalah ini, perasaan dan pengalaman Imri' al-Qays tentang malam dapat digambarkan, di samping dapat membayangkan tentang perasaan-perasaan dan pengalaman-pengalaman lain penyair dalam *qasidah*.

Pemilihan teks ini disebabkan Imri' al-Qays dikatakan sebagai orang yang terbaik dalam puisi (Ibn Qutaybah, 2000:41). Selain daripada itu, beliau diletakkan pada kedudukan pertama dalam kalangan penyair (Ibn Sallam, t.th.: 55). Shawqi Dayf (1961: 253) turut menyatakan bahawa makna yang diungkapkan Imri' al-Qays diulang kembali oleh penyair-penyair selepasnya. Ibn Qutaybah (2000: 56-57) menyenaraikan mereka yang mempunyai persamaan dengan puisi Imri' al-Qays seperti Tarafah, al-Nabighah al-Ja'di dan al-Shammakh.

Imri' al-Qays dilahirkan di Najd sekitar tahun 500 masihi, ayahnya merupakan raja Bani Asad. Beliau dibuang daripada kaumnya disebabkan tingkah lakunya yang bercanggah dengan kerabat. Beliau bergaul dengan kabilah-kabilah lain seperti kabilah Tai', kabilah Kalb dan Kabilah Bakr bin Wa'il. Mereka gemar bersuka ria dengan meminum arak sehingga mabuk (Dayf, 1961: 236).

Ayahnya dibunuh atas tuntutan dendam Bani Asad. Beliau menerima perkhabaran tentang kematian ayahnya dalam keadaan mabuk sehingga beliau mengatakan bahawa ayahnya menyisihkannya kala kecil, tetapi memberinya kewajipan untuk menuntut bela kala dewasa (Dayf, 1961: 237). Oleh itu, Imri' al-Qays ingin membalas dendam terhadap kematian ayahnya dan mengembalikan semula kerajaan yang pernah diperintah ayahnya. Walau bagaimanapun, dendamnya tidak tertunai kerana beliau meninggal dunia setelah berusaha mendapatkan bantuan daripada kerajaan Rom. Beliau meninggal dunia sekitar tahun 540 masihi (al-Fakhuri, 2002: 175). Peristiwa-peristiwa yang dialami Imri' al-Qays semasa hayatnya turut mempengaruhi pengucapannya dalam puisi. Hal ini dapat disaksikan dalam bait-baitnya, seperti gambaran tentang malam yang dirasakannya panjang.

Bait-bait dalam *Qasidah* Imri' al-Qays tentang 'Malam' adalah seperti berikut:

عليّ بأنواع الهموم ليبتلي	وليل كموج البحر أرخى سدوله
وأردف أعجازا وناء بكل كل	فقلت له لما تمطى بصلبه
بصبح وما الإصباح منك بأمتل	ألا أيها الليل الطويل ألا انجلي
بكل مغار الفتل شدت بيذب	فيا لك من ليل كأن نجومه
بأمراس كتان إلى صم جندل	كأن الثريا علقت في مصامها

Malam-malam umpama ombak lautan yang menurunkan tirai-tirainya kepadaku, penuh dengan pelbagai kesedihan, untuk mengujiku.

Maka aku berkata kepadanya tatkala ia memanjangkan belakangnya, dan menonggengkan punggungnya, ia jauhkan dadanya.

Duhai malam yang panjang, bertukarlah dengan pagi, dan tidaklah pagi itu denganmu melainkan sepertimu jua.

Duhai bagimu malam, persis bintang-bintangnya terikat kukuh setiap satunya dengan tali, ditambat di bukit Yadzbul.

Seolah bintang kejora tergantung pada tempatnya dengan tali yang kukuh pada batu-batu yang keras. (Terjemahan bebas penulis)

ANALISIS TEKS

Sebelum meneliti bait demi bait, didapati penggunaan kata ganti diri dalam bait-bait tersebut seperti *-ku* pada perkataan *عليّ*, *-nya* *سدوله* pada dan *-mu* pada *لك* merupakan tanda yang berbentuk indeks. Tanda-tanda ini menceritakan pengalaman yang dilalui penyair sehingga dizahirkannya dalam bentuk puisi. Pengulangan ungkapan yang merujuk kepada malam seperti perumpamaan malam dengan ombak laut (*موج البحر*), keadaan unta yang pasif (*لما تمطى*) (*كأن نجومه بكل مغار الفتل شدت ببذبل*) dan bintang-bintang yang terikat (*بصلبه وأردف أعجازا وناء بكل كل*) merupakan *qualisign*. Ungkapan-ungkapan tersebut menjelaskan tentang kegusarannya terhadap malam yang dirasakannya panjang. Sikap ketidaksabaran penyair agar malam tersebut berlalu pergi dalam kadar yang pantas merupakan *sinsign* dalam bait-bait tersebut. Perkara ini terkandung pada ungkapan *ألا أيها الليل الطويل ألا انجلي بصبح* (duhai malam yang panjang, bertukarlah dengan pagi) yang merujuk kepada sifatnya yang gelisah sehingga cuba untuk memujuk malam dengan bercakap dengannya. Dalam bait tersebut, penyair menggunakan *الثريا* “bintang kejora” yang juga merupakan *legisign* kerana bintang kejora merupakan tanda kepada ketibaan waktu siang.

Ungkapan penyair *وما الإصباح منك بأمثل* (tidaklah pagi itu denganmu melainkan sepertimu jua) dalam bait tersebut adalah *discisign* kerana boleh jadi waktu siang lebih selamat disebabkan beliau mampu melihat musuh yang datang. Oleh itu, beliau dapat bersiap sedia untuk menghadapinya. Walau bagaimanapun, keadaan siang juga boleh menjadi seperti malam disebabkan serangan musuh yang tidak mengira waktu.

Bait-bait yang mengisahkan pengaduan Imri’ al-Qays tentang malam yang panjang (*أيها الليل الطويل*) merupakan *argument*. Hal ini bersandarkan pernyataan al-Hadithi (2008: 39) yang menyatakan bahawa kegelisahan penyair terhadap malam disebabkan tekanan yang dialaminya kesan pembunuhan ayahnya, kehilangan takhtanya dan kejatuhan kekuasaan kaumnya iaitu Kindah. Oleh itu, pada fikiran Imri’ al-Qays, kedudukan bintang pada malam tersebut tetap menyebabkan malam tidak dapat diganti oleh siang (al-Fakhuri, 2002: 179). Hal ini menyebabkan Imri’ al-Qays merasakan malam yang dilaluinya itu sangat lama seolah-olah tidak bergerak. Perasaan dendam yang masih belum berbalas atas pembunuhan ayahnya merupakan *rheme* yang merupakan niatnya yang belum tercapai, yang menyebabkan beliau merasa gelisah terhadap malam yang dilaluinya. Selain daripada itu, dendam yang dirasainya itu turut mengundang permusuhan terhadapnya. Oleh itu, Imri’ al-Qays berharap agar malam tersebut cepat berlalu untuk diganti siang kerana kegelapan malam menyukarkannya untuk mengesan musuh dan binatang buas.

Penyair menyamakan malam-malam yang dilaluinya dengan ombak lautan (*موج البحر*), yang menurunkan tirai-tirainya (*أرخی سدوله*), semacam khemah yang mempunyai tirai di padang pasir. Di sini, dapat diperhatikan bahawa ombak lautan merupakan tanda kepada keadaan yang berterusan tanpa henti. Di samping itu, penyair menyamakan keadaan lautan yang penuh dengan air dengan keadaan malam yang panjang yang bagi penyair penuh dengan kegelapan. Hal ini disebabkan keadaan malam yang gelap gelita, digambarkannya dengan keadaan ‘menurunkan tirai-tirai’. Ungkapan *أرخی سدوله* (tirai-tirai yang diturunkan) merupakan indeks kepada keadaan sudah pun bertukar menjadi malam. Kegusaran penyair dengan kepanjangan malam ini disebabkan kepelbagaian kesedihan yang dirasakannya dibawa oleh malam, bertepatan dengan azam penyair untuk membalas dendam terhadap kematian ayahnya yang belum tertunai.

Kegelisahannya dengan malam yang dirasakannya panjang itu turut dinyatakannya dalam gaya metafora pada bait yang berikutnya. Imri’ al-Qays mengajak berbicara dengan unta tatkala ia hendak turun ke tanah untuk berehat pada ungkapan *لما تمطى بصلبه*. Sesuatu yang menjadi tabiat unta apabila turun ke bawah adalah kesukarannya untuk bangkit.

Ungkapan-ungkapan seperti *لما تمطى بصلبه* (memanjangkan belakangnya) dan *ناء بكلل* (jauhkan dadanya) mempunyai persamaan maksud berkaitan tabiat unta. Perkataan-perkataan tersebut merupakan ikon dalam bait tersebut yang menggambarkan keadaan unta yang menjadi pasif apabila berada dalam keadaan duduk atau baring. Perkara ini menyukarkannya untuk kembali berdiri dalam kadar yang cepat. Oleh hal yang demikian, penyair menyamakan malamnya yang panjang dengan keadaan unta ini, sesuai dengan keadaan persekitaraan padang pasir yang menjadikan unta antara bintang ternakan dan kenderaan. Ini menunjukkan bahawa persekitaran turut memainkan peranan dalam penghasilan puisi.

Bait yang berikutnya mengandungi gaya personifikasi dengan menjadikan sesuatu objek yang tidak bernyawa seumpama manusia yang bernyawa dan mampu berkata-kata. Dalam bait ini, penyair berharap agar malam berlalu dan berganti dengan siang. Tatkala penyair merasakan bahawa malam seolah tidak mengendahkan permintaannya, beliau memujuk emosinya dengan berkata: *ما الإصباح منك بأمثل* (...dan tidaklah siang itu melainkan sama denganmu). Keinginan penyair agar malam berlalu pergi dapat dilihat dalam bait ini dengan cubaannya bercakap dengan malam dengan harapan agar malam berlalu pergi. Dalam bait ini penggunaan kata ganti diri *-mu* pada perkataan *منك* merujuk kepada malam bersandarkan kepada ungkapan penyair pada awal bait ini dengan katanya: *ألا أيها الليل الطويل* (duhai malam yang panjang). Selain itu, tanda-tanda yang terdapat dalam bait-bait yang sebelumnya memperkuat pernyataan ini, iaitu yang menunjukkan bahawa penyair berbicara dengan malam bukan dengan seseorang.

Malam turut diungkapkan dengan menyatakan bahawa setiap butir bintang pada malam tersebut tidak bergerak. Hal ini disebabkan bintang-bintang terikat di bukit Yazbul menurut penyair dalam ungkapannya *كأن بكل مغار الفتل شدت بيذبل*. Keadaan ini bertujuan untuk menghalang bintang-bintang terbenam untuk siang mengambil alih. Tanda-tanda seperti 'bintang' (*نجومه*), 'tali' (*الفتل*) dan 'bukit Yazbul' (*يذبل*) membawa gambaran berkaitan kehidupan penyair di padang pasir pada waktu malam. Kepanjangannya malam yang dirasai penyair dinyatakan dengan keadaan bintang, yang difikirkannya boleh diikat di bukit Yazbul untuk membiarkan malam berterusan tanpa penghujung.

Imri' al-Qays juga menyamakan malam yang dirasakannya panjang dengan keadaan gugusan bintang kejora yang digantung di kaki bukit Jandal dalam ungkapannya *الثريا علقت إلى صم جندل*. Perkataan 'bintang kejora' (*الثريا*) dalam bait ini menjadi tanda kepada tibanya waktu subuh. Ungkapan adalah dalam bentuk simile dan digunakan dengan menyamakan keadaan malam yang dilaluinya dengan keadaan bintang kejora yang tidak berganjak. Keadaan ini disebabkan oleh keresahan penyair dengan kepanjangan malam yang seolah tidak berpenghujung. Gambaran tentang keadaan padang pasir dapat dilihat melalui penggunaan perkataan 'bintang kejora' (*الثريا*), 'tali-tali' (*أمراس كتان*) dan 'bukit Jandal' (*صم جندل*). Selain itu, keadaan terikat ini berkait rapat dengan keadaan orang Arab yang menggunakan khemah untuk berteduh ketika malam menjelma. Khemah tersebut diikat dengan batu yang bertindak sebagai pemberat bagi mengelakkannya daripada diterbangkan sekiranya angin bertiup. Oleh hal yang demikian, khemah merupakan lambang yang digunakan penyair untuk menzahirkan keadaan bintang kejora pada malam hari yang tidak bergerak. Hal ini, mengikut penyair, disebabkan bintang tersebut terikat dengan kukuh di bukit Jandal.

Terdapat persamaan dalam bait keempat dan kelima dalam gugusan syair tentang malam ini. Ungkapan 'terikat di bukit Yazbul' (*شدت بيذبل*) dan 'bintang kejora tergantung' (*الثريا علقت*) merupakan ikon berturutan yang membawa makna malam yang panjang. Keadaan malam yang panjang ini diceritakan penyair daripada satu bait dengan bait yang lain secara berurutan. Ungkapan tersebut dapat diperhatikan dalam setiap bait seolah-olah penyair meneruskan kesinambungan kisah malamnya yang panjang ini bermula daripada malam menjelma sehingga saat subuh menjelma. Bermulanya malam yang dilalui penyair ditandai

dengan ‘tirai yang diturunkan’ (أرخی سدوله) dan malamnya berakhir dengan terbitnya bintang kejora (الثريا) yang menjadi indeks tibanya waktu subuh.

PERSEPSI PELAJAR MELAYU TENTANG BAIT IMRI’ AL-QAYS

Teks tentang malam karya Imri’ al-Qays ini merupakan antara teks pilihan yang digunakan untuk tujuan pengajaran dan pembelajaran (P&P) di peringkat sekolah dan institusi pengajian tinggi di Malaysia. Umpamanya, program Bahasa Arab dengan Pendidikan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) menggunakan teks tersebut untuk tujuan P&P, kerana teks ini mewakili kesusasteraan zaman Jahiliah yang terkenal dengan kepetahan bangsa Arab dalam menyampaikan idea dalam bentuk puisi.

Dalam makalah ini, 15 pelajar sarjana muda dipilih untuk melihat persepsi mereka terhadap teks Imri’ al-Qays tentang malam. Responden ini terdiri daripada pelajar semester 5, Ijazah Sarjana Muda Bahasa Arab dengan Pendidikan, UPSI. Pemilihan responden ini disebabkan responden telah mengambil subjek “Kebudayaan dan Kesusasteraan Arab”. Subjek ini mengandungi teks tersebut untuk P&P. Tujuh soalan diajukan kepada responden untuk mengetahui persepsi responden terhadap teks.

Teks Imri’ al-Qays tentang malam ini mudah difahami menurut 20% daripada responden, manakala selebihnya iaitu 80% tidak bersetuju bahawa teks tersebut mudah difahami. Hal ini mempunyai hubungan dengan perbendaharaan kata yang dimiliki responden, di samping kata-kata dalam teks tersebut merupakan kata-kata klasik yang jarang digunakan dalam ungkapan seharian pada zaman ini. Oleh itu, kesemua responden berpendirian bahawa teks tersebut perlu diterjemahkan ke bahasa Melayu semasa P&P.

Dari sudut kegunaan teks sebagai media untuk memperkenalkan tatabahasa Arab, 73% responden bersetuju tentang keberkesanan teks Imri’ al-Qays dalam membantu untuk mengenal tatabahasa Arab yang betul. Perkara ini didasari oleh susunan puisi Arab yang tidak mengikut turutan tatabahasa Arab yang biasa didapati oleh responden dalam teks-teks selain teks sastera.

Kewajaran teks dipilih bagi membantu pelajar mengenal gaya bahasa retorik dipersetujui oleh 93% responden. Begitu juga, kesesuaian pemilihan teks bagi membantu untuk menambahkan perbendaharaan kata turut dipersetujui oleh 93% responden. Pemilihan teks untuk digunakan sebagai bahan pengajaran bagi pelajar Melayu juga dipersetujui oleh 93% responden. Walau bagaimanapun, hanya 20% responden mengetahui tanda-tanda yang digunakan dalam teks tersebut disebabkan responden tidak memahami maksud sebenar teks tersebut melainkan jika diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu.

Keterbatasan perbendaharaan kata responden menyebabkan mereka merasakan bahawa teks Imri’ al-Qays ini sukar untuk difahami dan perlu untuk diterjemahkan kepada bahasa sasaran semasa P&P. Kesukaran untuk memahami teks tersebut menyebabkan responden tidak mengetahui tanda-tanda yang digunakan untuk menggambarkan malam. Susunan kata yang tidak berurutan mengikut turutan sintaksis yang biasa turut menyumbang kepada penolakan oleh 27% responden terhadap teks tersebut dan sumbangannya dalam ilmu sintaksis. Kebanyakan responden yang dipilih turut bersetuju bahawa teks tersebut membantu untuk mengenal gaya bahasa retorik. Hal ini disebabkan responden mempunyai pengetahuan asas tentang puisi yang turut didasari oleh ungkapan yang memiliki nilai estetika yang terkandung dalam gaya bahasa retorik. Kebanyakan responden juga bersetuju bahawa teks tersebut membantu menambahkan perbendaharaan kata bahasa Arab mereka. Perkara ini disebabkan oleh kata-kata yang terkandung dalam teks tersebut merupakan kata-kata klasik yang jarang digunakan pada zaman sekarang. Oleh itu, majoriti responden bersetuju bahawa teks ini sesuai sebagai bahan dalam P&P untuk pelajar Melayu kerana teks Imri’ al-Qays

merupakan teks yang mewakili kesusasteraan zaman Jahiliah yang terkenal dengan kepetahan bangsa Arab dalam menghasilkan puisi.

KESIMPULAN

Puisi merupakan ungkapan yang menterjemahkan idea penyair dengan gaya yang berlainan daripada penggunaan seharian. Hal ini dapat dilihat dalam bait-bait Imri' al-Qays yang menggunakan tanda-tanda untuk melambangkan malamnya yang panjang. Beliau menggunakan perkataan-perkataan seperti 'tirai-tirai yang diturunkan' (أرخی سدوله) dan 'bintang kejora' (الثريا) sebagai tanda untuk menggambarkan keadaan malamnya. Pemilihan kata-kata dalam gugusan bait-bait ini dipengaruhi oleh persekitaran padang pasir yang didiami oleh penyair. Kata-kata tersebut dapat diteliti melalui gambaran penyair tentang malamnya dengan unta betina, juga keadaan bintang yang tidak bergerak dengan khemah yang terikat kukuh. Merujuk kepada bait-bait tersebut, responden yang terdiri daripada pelajar-pelajar Melayu berpendapat bahawa teks tersebut sukar difahami dan perlu diterjemahkan ke bahasa Melayu semasa P&P. Oleh itu, responden tidak mengetahui tanda-tanda yang digunakan kerana kesukaran untuk memahami teks tersebut. Majoriti responden bersetuju bahawa teks tersebut membantu untuk mengenal penggunaan tatabahasa yang betul, mengenal gaya bahasa retorik dan menambahkan perbendaharaan kata bahasa Arab mereka. Kebanyakan responden juga berpendapat bahawa teks tersebut sesuai sebagai bahan pengajaran bagi pelajar Melayu.

RUJUKAN

- Abdul Hamid Adnan & Tengku Intan Marlina Tengku Mohd. Ali. 2010. Analisis semiotik lirik lagu-lagu gubahan P.Ramlee. *Jurnal Pengajian Melayu* 21:1-25.
- Abdul Halim Ali. 2011. *Pengantar Teori dan Kritikan Sastera: Barat dan Malaysia*. Seri Kembangan: Budiman.
- al-Anbari, Abu Bakr Muhammad bin al-Qasim. t.th. *Sharh al-Qasa'id al-Sab' al-Tiwal al-Jahiliyyat*. Harun, 'Abd al-Sallam Muhammad (pnyt.). Kaherah: Dar al-Ma'arif.
- Arbak Othman. 2008. *Semiotik*. Seri Kembangan: Citra Kurnia Enterprise.
- Dayf, Shawqi. 1971. *Al-'Asr al-Jahili*. Kaherah: Dar al-Ma'arif.
- Al-Duray'i, Ibrahim bin Hassan. et. al. 2008. *Al-Adab al-'Arabi*. Riyadh: Wizarah al-Tarbiyah wa al-Ta'lim.
- al-Fakhuri, Hanna. 2002. *Al-Jami' fi Tarikh al-Adab al-'Arabi: al-Adab al-Qadim*. Beirut: Dar al-Jil.
- al-Hadithi, Bahjat 'Abd al-Ghafur. 2008. *Nusus min al-Shi'r al-Jahili wa al-Islami wa al-Umawi: Dirasah wa Tahlil*. Iskandariyah: al-Maktab al-Jami'i al-Hadith.
- Al-Hashimi, Ahmad. 1960. *Jawahir al-Balaghah*. Indonesia: Maktabah Dar Ihya' al-Kutub al-'Arabiyah.
- Ibn Sallam al-Jumahi, Muhammad. t.th. *Tabaqat Fuhul al-Shu'ara'*. Shakir, Mahmud Muhammad (pnyt.). Jeddah: Dar al-Madani.
- Ibn Qutaybah al-Dinawari, Abu Muhammad 'Abd Allah bin Muslim. 2000. *Al-Shi'r wa al-Shu'ara'*. Qumayyah, Mufidah dan al-Dannawi, Muhammad Amin (pnyt.). Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyah.
- Ibn Rashiq al-Qayrawani. Abu 'Ali al-Hasan. 2001. *Al-'Umdah fi Mahasin al-Shi'r wa Adabihi*. 'Ata, Muhammad 'Abd al-Qadir Ahmad (pnyt.). Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyah.
- al-Jundi, 'Ali. 1998. *Fi Tarikh al-Adab al-Jahili*. Kaherah: Dar Gharib.
- al-Mustawi, 'Abd al-Rahman. 2006. *Diwan Imri' al-Qays*. Beirut: Dar al-Ma'arifah.

- al-Mutallib, Muhammad 'Abd. 1996. *Qira'ah Thaniah fi Shi'r Imri' al-Qays*. Al-Jizah: al-Sharikah al-Misriyah al-'Alamiyah li al-Nashr.
- al-Nadwi, Muhammad Wadih Rashid al-Husni & Al-Nadwi, Muhammad al-Rabi' al-Husni. 2002. *Tarikh al-adab al-'Arabi: al-'Asr al-Jahili wa al-'Asr al-Islami*. Beirut: Dar Ibn Kathir.
- Nyoman Kutha Ratna. 2009. *Stilistika: Kajian Puitika Bahasa, Sastra, dan Budaya*. Yogyakarta: Pustaka Pelajar.
- Qanawi, 'Abd al-'Azim 'Ali. 1949. *Al-Wasf fi al-Shi'r al-'Arabi*. Mesir: Sharikah Maktabah wa Matba'ah Mustafa al-Babi al-Halabi wa Awladihi.
- Qudamah bin Ja'far. T.th. *Naqd al-Shi'r*. Khafaji, Muhammad 'Abd al-Mun'im (pnyt.). Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyah.
- al-Siba'i, al-Siba'i. 1932. *Tarikh al-Adab al-'Arabi*. t.t.: Matba'ah al-'Ulum.
- al-Zayyat, Ahmad Hasan. 2009. *Tarikh al-Adab al-'Arabi li al-Madaris al-Thana'awiyah wa al-'Ula*. Beirut: Dar al-Ma'rifah.

Biodata Penulis:

Nazri Atoh

Calon Ph.D. (Kesusasteraan Bandingan Arab dan Melayu), Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia. Beliau juga merupakan pensyarah bahasa dan kesusasteraan Arab, Jabatan Bahasa Moden, Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Zamri Arifin

Merupakan Profesor Madya di Jabatan Pengajian Arab dan Tamadun Islam, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.